



NOTIS PEMAKLUMAN
SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN KUALA PILAH

Selaras dengan pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Kedua berkaitan pandemic COVID-19, pihak Majlis Daerah Kuala Pilah telah menetapkan jadual operasi premis perniagaan berkuat kuasa bermula **1 April 2020** sehingga Selesai Tamat Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan seperti ketetapan berikut:

BIL	JENIS PERNIAGAAN	SYARAT	WAKTU PERNIAGAAN
1.	Semua Premis Perniagaan Makanan, Restoran, Gerai Makan Di Tepi Jalan Atau Bahu Jalan, dan Kendera Saji (<i>Foodtruck</i>) yang diberi lesen perniagaan (termasuk yang beroperasi 24jam).	-Perkhidmatan Pandu Lalu (<i>Drive-Thru</i>) -Perkhidmatan Bawa Pulang (<i>Takeaway</i>) -Perkhidmatan Penghantaran Makanan	8:00 Pagi Sehingga 8:00 Malam
2.	Semua Pasar Raya, Kedai Buah, Kedai Runcit Dan Kedai Serbaneka (termasuk yang beroperasi 24 jam).	-Menjual barangan keperluan harian -Mengawal kemasukan pelanggan mengikut kesesuaian premis -Melaksanakan proses penyahkuman setiap 1 Jam (Troli dan Bakul)	8:00 Pagi Sehingga 8:00 Malam
3.	Semua Stesen Minyak(termasuk kedai serbaneka stesen tersebut).	-Membersihkan <i>Nozzle</i> setiap jam menggunakan bahan penyahkuman	8:00 Pagi Sehingga 8:00 Malam
4.	Semua Pasar Awam.	-Mengawal kemasukan pelanggan mengikut kesesuaian premis -Melaksanakan proses penyahkuman Setiap 1 jam (Troli / Bakul)	6:00 Pagi Sehingga 12:00 Tengahari
5.	Bengkel Membaiki Kenderaan.	-Mengawal kemasukan pelanggan mengikut kesesuaian premis	8:00 Pagi Sehingga 2:00 Petang
6.	Kedai Menjual Alat Perkakasan (<i>Hardware</i>), Kedai Haiwan Kesayangan.	-Dibenarkan beroperasi dua kali seminggu iaitu Rabu dan Sabtu .	9:00 Pagi Sehingga 3:00 Petang
7.	Klinik / Farmasi/ Kedai Menjual Kelengkapan Perubatan.	-Mengawal kemasukan pelanggan mengikut kesesuaian premis.	8.00 Pagi Sehingga 8.00 Malam
8.	Penjualan Kedai Input Pertanian (Baja/Racun)	-Dibenarkan beroperasi dua kali seminggu Selasa dan Khamis.	9:00 Pagi Sehingga 3:00 Petang

Sehubungan dengan itu, semua aktiviti **Pasar Malam, Pasar Tani, Pasar Mingguan dan Pasar Pagi** tidak **dibenarkan beroperasi**. Pengusaha dan peniaga adalah diminta mematuhi arahan ini selaras dengan seksyen 72 (1) (f) dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Segala pertimbangan atau kerjasama dari semua pihak amatlah dihargai. Sekian, Terima Kasih.

MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP
Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Pilah